

MAHATHIR - GABUNG R'R'R'

KUALA LUMPUR, 10 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN PARA PENGUSAHA KECIL BUMIPUTERA BERGABUNG MENUBUHKAN SYARIKAT-SYARIKAT BESAR UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA LEBIH MAMPU BERSAING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT GERGASI LAIN.

BELIAU BERKATA LANGKAH INI MENJADI LEBIH PERLU TERUTAMA DI KALANGAN SYARIKAT-SYARIKAT KECIL BUMIPUTERA YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN DALAM BIDANG YANG SUDAH TERLALU RAMAI MENYERTAINYA SEHINGGA SUKAR Mencari PELANGGAN.

MENURUT PERDANA MENTERI, RAMAI PENGUSAHA BUMIPUTERA GAGAL DALAM BANYAK BIDANG PERNIAGAAN KERANA TABIAT SUKA MENJALANKAN PERNIAGAAN YANG SUDAH TERLALU RAMAI DICEBURI DAN ENGGAN PULA BERGABUNG UNTUK MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN MEREKA.

APABILA MENGALAMI KEGAGALAN, PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA BERKE-
NAAN MENYALAHKAN KAUM-KAUM LAIN KERANA TIDAK MAHU MEMBERI PELUANG PERNIAGAAN KEPADA MEREKA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA MELANCARKAN 15 BUAH LORI KEPUNYAAN SYARIKAT PENGANGKUTAN 'URUS ANGKUT KENDERAAN SDN. BHD.' DI SINI.

SYARIKAT TERSEBUT ADALAH HASIL GABUNG MODAL ANLI-ANLI PERSEKUTUAN PENGUSAHA LORITANGKI BUMIPUTERA MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU KAUM-KAUM LAIN, TERUTAMANYA DENGAN TERTUBUHNYA JAWATANKUASA BERSAMA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU DAN CINA BARU-BARU INI, SUPAYA MEMBERI PELUANG YANG SEWAJARNYA KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA SEKIRANYA TERBUKTI MEREKA BENAR-BENAR LAYAK. -- LAGI 2008/MB

MAHATHIR - GABUNG 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

BELIAU MENEGASKAN INI AKAN MEMBAWA FAEDAH KEPADA SEMUA PIHAK KERANA LAYANAN PERNIAGAAN TANPA MENGIRA KAUM ITU AKAN MEWUJUDKAN SUASANA PERNIAGAAN YANG BAIK DAN KEADAAN INI AKAN MEMBANTU MEMESATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN INGIN MELIHAT KEADAAN PERNIAGAAN DI MANA PERUSAHAAN BUMIPUTERA MENDAPAT LAYANAN SAMA DARIPADA KAUM-KAUM LAIN SEPERTI YANG DIBERIKAN SESAMA MEREKA.

DALAM BIDANG PEMBINAAN UMPAMANYA PARA KONTRAKTOR BUMIPUTERA KINI HANYA MENDAPAT KONTRAK DARI KERAJAAN SAHAJA DAN KEADAAN INI SEBENARNYA TIDAK SIHAT KEPADA EKONOMI NEGARA, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN PARA PENIAGA BUMIPUTERA MEREKA BAGAIMANAPUN TIDAK BOLEH MENYALAHKAN ORANG LAIN DI ATAS KEGAGALAN MEREKA SEBALIKNYA HENDAKLAH BERUSAHA MEMAJUKAN DIRI SENDIRI.

BELIAU MENSIFATKAN PENUBUHAN SYARIKAT PENGANGKUTAN 'URUS ANGKUT KENDERAAN SDN. BHD.' SEBAGAI SATU PETANDA BAIK KEPADA BIDANG PENGANGKUTAN YANG DIUSAHAKAN OLEH BUMIPUTERA. -- LAGI 2014/MB

ZCZC B674

MAHATHIR - GABUNG 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN SYARIKAT ITU AKAN MAJU SEKIRANYA PENGURUSANNYA DIJALANKAN SECARA JUJUR, AMANAH DAN CEKAP TETAPI MENINGATKANNYA JANGANLAH MENGHARAPKAN KEUNTUNGAN DALAM MASA YANG SINGKAT.

BELIAU MEMUJI LANGKAH PERSATUAN PENGUSAHA LORITANGKI BUMIPUTERA KERANA MENUBUHKAN SYARIKAT ITU KERANA BIDANG PERUSAHAAN PENGANGKUTAN MERUPAKAN BIDANG YANG MEMPUNYAI SAINGAN KUAT KERANA TERLALU RAMAI PENGUSAHA YANG MENJALANKANNYA.

MENURUTNYA LANGKAH MENUBUHKAN SYARIKAT SEUMPAMA ITU BOLEH MENJIMATKAN WANG, MASA DAN TENAGA SYARIKAT-SYARIKAT KECIL KERANA MEMERLUKAN SEBUAH PENGURUSAN SAHAJA DENGAN KAKITANGAN YANG KECIL.

BELIAU MENASIHATKAN PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG INGIN MENJALANKAN PERUSAHAAN PENGANGKUTAN SUPAYA MENCANTOHI LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH PERSATUAN PENGUSAHA LORITANGKI BUMIPUTERA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KERAJAAN BUKANNYA BERSIKAP PILIH KASIH DALAM MENGELUARKAN LESEN ATAU PERMIT UNTUK PERUSAHAAN PENGANGKUTAN TETAPI TIDAK MAHU BUMIPUTERA YANG MENJALANKAN PERUSAHAAN INI GAGAL KERANA JIKA TERLALU RAMAI YANG MENGUSAHAKANNYA.

-- BERNAMA 2027/MB